



**LEMBAGA PELABUHAN-PELABUHAN SABAH
KENYATAAN SEBUT HARGA**

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia, Sabah di bawah **KOD BIDANG PUKONSA 220401, 220402 & 220403** serta masih sah pendaftarannya untuk menyertai sebut harga berikut:

RUJUKAN SEBUT HARGA	TAJUK SEBUT HARGA
LPPS/SH/001/2025-PBH (PANGGILAN KEDUA)	PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN BANGUNAN IBU PEJABAT SEMENTARA LPPS DAN PERKARANGAN

TARIKH KENYATAAN SEBUT HARGA	: 05 MAC 2025 (RABU)
TARIKH TUTUP SEBUT HARGA	: 14 MAC 2025 (JUMAAT) JAM 12.00 TENGAHARI
TARIKH LAWATAN TAPAK	: 11 MAC 2025 (SELASA) (JAM 10.00 PAGI)
TEMPAT PENYERAHAN SEBUT HARGA	: https://www.tenderwizard.my/LPPS

1. KELAYAKAN KONTRAKTOR UNTUK MENYERTAI SEBUT HARGA

- 1.1. Dokumen sebut harga hanya akan dikeluarkan kepada syarikat-syarikat yang masih sah berdaftar dengan **PUKONSA** dalam Bidang Perkhidmatan di bawah Kod Bidang **220401, 220402 & 220403**.
- 1.2. Syarikat mestilah mempunyai kod bidang di dalam skop perkhidmatan yang terlibat. Syarikat yang tidak mempunyai kod bidang yang telah ditetapkan tidak akan dipertimbangkan untuk menyertai sebut harga.
- 1.3. Jika tempoh pendaftaran PUKONSA telah atau hampir tamat, syarikat hendaklah mengemukakan salinan surat kelulusan dan salinan resit pembayaran dari Kementerian Kewangan Malaysia berkenaan permohonan lanjutan pendaftaran yang telah dibuat ke Pejabat LPPS selewat-lewatnya satu (1) hari sebelum tarikh tutup sebut harga.
- 1.4. Syarikat adalah **WAJIB** hadir ke lawatan tapak yang telah ditetapkan. Syarikat yang gagal hadir lawatan tapak berkenaan adalah **TIDAK LAYAK** menyertai sebut harga.
- 1.5. Berdaftar sebagai *vendor* dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam sistem e-perolehan LPPS (<https://www.tenderwizard.my/LPPS>).

Sila ambil perhatian bahawa dokumen sebut harga hanya akan dikeluarkan kepada syarikat yang mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan di atas. Sebarang maklumat lanjut boleh diperolehi melalui laman sesawang <https://lpps.sabah.gov.my/> dan <https://www.tenderwizard.my/LPPS>.

**PENGURUS BESAR
LEMBAGA PELABUHAN-PELABUHAN SABAH**